

# Denggi ragut 81 nyawa

*Harian metro 8/07/2010*

Jumlah kematian lebih tinggi berbanding tahun lalu

>>Oleh Faizatul Farlin  
Farush Khan

ffarlin@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Peningkatan kes kematian akibat jangkitan denggi semakin membimbangkan terutama di kawasan bandar apabila 81 orang direkodkan maut dalam tujuh bulan pertama tahun ini sehingga 4 Julai lalu, daripada 24,240 kes jangkitan yang dilaporkan kepada pihak berkuasa.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai (*gambar*) berkata, kes demam denggi didapati semakin serius apabila jumlah kematian dicatatkan itu menunjukkan peningkatan mendadak jika dibandingkan dengan jumlah kematian yang direkodkan dalam tempoh sama iaitu 62 kematian daripada 25,234 kes jangkitan daripada Januari hingga Julai tahun lalu.

Beliau berkata, angka kematian dicatatkan juga dilihat semakin meningkat berbanding jumlah kematian yang direkodkan sepanjang tahun lalu iaitu 88 kematian daripada 41,486 kes yang dilaporkan kepada pihak kementerian.

"Ini masalah serius dan



tidak boleh dipandang ringan kerana angka kematian dicatatkan setiap tahun adalah tinggi.

"Walaupun negara kita semakin maju, wabak denggi masih gagal ditangani terutama di kawasan berpenduduk padat seperti di bandar besar," katanya pada sidang media selepas melancarkan 'Coffee Table Book' Faber Medi-Serve Sdn Bhd bertajuk 'Accolades-Privatisation of Hospital Support Services In Malaysia', di sini, semalam.

Liow berkata, berikutan demam denggi penyakit yang tidak boleh diubati, ia memerlukan pemerhatian berterusan bagi merawat simptomnya.

Sehubungan itu, semua pegawai perubatan sudah

diarahkan mengambil perhatian serius terhadap pesakit demam denggi.

Katanya, pihaknya sudah mengarahkan pegawai kesihatan supaya memantau semua kawasan termasuk memasuki tapak pembinaan untuk mengambil tindakan jika terdapat punca yang boleh membiakkan aedes.

Katanya, jangkitan denggi sering mencapai kemuncaknya pada musim hujan iaitu antara Jun hingga Julai dan antara Oktober hingga Disember setiap tahun iaitu ketika banyak air bertakung.

"Sehubungan itu, saya menyeru masyarakat terutama di kawasan pembangunan pesat supaya lebih bertanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran kawasan rumah mereka bagi mengelak masalah air bertakung yang boleh membiakkan aedes," katanya.

Sementara itu, katanya, pihaknya akan menyiasat dakwaan bahawa kadar kebersihan rendah di temasya sukan menjadi faktor jangkitan kuman pada paru-paru seorang atlit bola tampar yang mewakili Terengganu dalam Sukan Malaysia (Sukma) 2010 di Melaka, Mohd Fadli Muhammad, 19, yang meninggal dunia 5 Julai lalu.